

# **PERTANDINGAN AEROMIXTHON KARNIVAL SARAWAKIANA 2017**

## **SYARAT-SYARAT AM PERTANDINGAN**

**1. NAMA :** Pertandingan ini dinamakan **Aeromixthon Sarawakiana 2017**

### **2. PENGELOLA**

- 2.1 Kejohanan ini dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Rekreasi (KSR), Pustaka Negeri Sarawak dengan kerjasama FIT Aerobics & Dance Academy sempena Karnival Sarawakiana 2017.
- 2.2 Adalah menjadi tanggungjawab Jawatankuasa Pengelola untuk menerangkan secara lengkap dan jelas peraturan pertandingan kepada semua peserta.
- 2.3 Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pengelola dan Hakim pertandingan adalah muktamad.

### **3. OBJEKTIF**

- 3.1 Memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk aktif bersukan.
- 3.2 Menyemai budaya sukan dan sihat dikalangan semua lapisan masyarakat setempat.
- 3.3 Menerapkan semangat diantara semua peserta melalui pertandingan yang diadakan.
- 3.4 Dapat berkongsi pendapat dan idea ke arah pembangunan. Modal insan di antara persatuan belia yang mengambil bahagian dalam pertandingan.
- 3.5 Menggalakkan pemimpin generasi belia agar berfikiran positif dan mengamalkan gaya hidup cergas, sihat dan bersatu.

### **4. TARIKH MASA DAN TEMPAT KEJOHANAN**

- 4.1 Kejohanan akan diadakan pada : :

Tarikh : **6 Ogos 2017 (Ahad)**  
Masa : **7:30 pagi**  
Tempat : **Dataran Pustaka, Pustaka Negeri Sarawak.**

## **5. KATEGORI**

- 5.1      KUMPULAN - Terbuka ( 5 orang )  
( Lelaki/Perempuan/Campuran)
- 5.2      INDIVIDU
- 5.3      STAF PUSTAKA NEGERI SARAWAK

## **6. KRITERIA PENYERTAAN**

- 6.1      Peserta boleh mengambil kedua-dua bahagian di dalam kategori diatas
- 6.2      Penyertaan terbuka kepada individu berumur 15 tahun keatas (*sertakan salinan kad pengenalan dan mesti dilampirkan bersama borang penyertaan*).

## **7. PENDAFTARAN**

- 7.1      Bayaran penyertaan :
  - 7.1.1    **Berkumpulan**   - RM30.00
  - 7.1.2    **Individu**       - RM10.00
- 7.2      Semua penyertaan hendaklah dibuat melalui Borang Pendaftaran/Pendaftaran yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola. Yuran penyertaan **TIDAK** akan dikembalikan, sekiranya peserta menarik diri atau membatalkan penyertaan.
- 7.3      Setiap penyertaan hendaklah dihantar ke alamat :

**Jawatankuasa Pengelola,**  
Aeromixthon Karnival Sarawakiana 2017  
Pustaka Negeri Sarawak,  
93050 Kuching, Sarawak.

### **7.4      TARIKH TUTUP PENYERTAAN**

Borang yang telah lengkap diisi hendaklah sampai kepada penganjur, sebelum atau pada **31 Julai 2017** sehingga jam 5:00 petang **SAHAJA**.

## **8. HADIAH**

### **8.1 Kategori :**

#### **8.1.1 BERKUMPULAN (*Aerobathon / Zumba / Fun Dance*)**

Hadiah : RM300 + hamper

#### **8.1.2 INDIVIDU**

Juara : RM100.00 + Hamper

Naib Juara : RM80.00 + Hamper

Ketiga : RM50.00 + Hamper

\*\*Pemenang tempat ke-4 hingga ke-10 (kategori Individu sahaja) - Hamper

#### **8.1.3 STAF**

Juara : Hamper

Naib Juara : Hamper

Ketiga : Hamper

\*\* Surprise : peserta paling veteran : Hamper

\*\* Peserta Paling Sporing (tema) : Hamper

## **9. PENTING**

9.1 Pertandingan akan **DIBATALKAN** sekiranya penyertaan untuk setiap kategori kurang daripada 5 kumpulan yang menyertai pertandingan.

## **10. PERTUKARAN NAMA**

10.1 Mana-mana peserta / kumpulan tidak dibenarkan untuk menukar nama peserta yang telah didaftar seperti didalam Borang Pertandingan, **KECUALI** jika terdapat kecemasan dimana peserta demam, sakit tenat atau ditimpa kemalangan. Sekiranya hal ini terjadi, maka peserta / kumpulan tersebut dikehendaki untuk menghubungi Jawatankuasa Pengelola secara lisan dalam tempoh masa 24 jam, dengan bersertakan laporan perubatan/laporan polis. Pihak Jawatankuasa Pengelola akan menentukan sama ada pertukaran tersebut diterima atau ditolak.

## **11. JURUTUNJUK DAN HAKIM**

Jurutunjuk dan hakim yang berkelayakan dan berpengalaman akan dilantik oleh Jawatankuasa Pengelola untuk mengadili pertandingan ini.

## 12. SUSUNAN PERTANDINGAN

### 12.1 Cabutan Undi

Undian/cabutan untuk menentukan giliran didalam kategori masing-masing akan dibuat semasa Taklimat Pengurus dan cabutan undi giliran peserta/kumpulan untuk memasuki pusingan akhir akan dibuat selepas keputusan pusingan kelayakan.

- 12.2 Sekiranya Pengurus Pasukan atau wakil tidak menghadiri Taklimat Pengurus Pasukan, pihak Jawatankuasa Pengelola menganggap mereka telah memahami dan mematuhi semua peraturan serta perubahan (jika ada) dan keputusan yang dicapai telah dipersetujui semasa taklimat tersebut.
- 12.3 Para peserta hendaklah melapor diri kepada Jawatankuasa Teknikal **30 minit sebelum** pertandingan bermula. Sekiranya berlaku kelewatan disebabkan oleh bencana alam atau perkara diluar jangkaan seperti kerosakan pengangkutan atau sebagainya, pasukan hendaklah menghubungi Urusetia Pertandingan dengan **segera**.

## 13. PAKAIAN

### 13.1 PROFIL

- \* Semua peserta **WAJIB** berpakaian kemas dan berpenampilan bersih sepanjang tempoh pertandingan berlangsung.
- \* Rambut panjang hendaklah diikat atau disanggul.
- \* Rambut tidak boleh menutupi dahi dan hendaklah *di'gel'*.
- \* Tali kasut hendaklah diikat dengan sempurna.
- \* Tali pinggang, *suspenders* dan kelengkapan senaman seperti *weight*, *canes*, sarung tangan, aksesori lain untuk menutup kepala **TIDAK** dibenarkan semasa pertandingan.
- \* Barang kemas dan jam tangan **TIDAK** dibenarkan dan mestilah ditanggalkan sebelum pertandingan.
- \* Setiap peserta (kumpulan/individu) **DIWAJIBKAN** mengikut tema pertandingan Karnival Sarawakiana 2017 iaitu hendaklah memakai **KOSTUM** yang ada melambangkan suku kaum yang terdapat di Sarawak. (hendaklah dipakai bersama dengan pakaian sukan bersesuaian).
- \* Peserta dikehendaki untuk memakai pakaian yang bersesuaian dengan kebudayaan negara dan bertanggungjawab menyediakan pakaian sukan sendiri.
- \* *Leotard* yang menunjukkan perut/pusat (*navel*), *tank top* yang menunjukkan dada dan belakang, *G-String* dan pakaian yang menjolok mata **TIDAK** dibenarkan. Walaubagaimanapun, *thights* panjang dengan kemeja boleh digunakan.
- \* Penyokong yang sempurna untuk wanita dan lelaki adalah diwajibkan.
- \* Kasut aerobik yang bersih **diwajibkan** untuk semua peserta pertandingan.

## **14. PENGADILAN**

### **14.1 Pengadil Peserta**

Setiap peserta mestilah mengikut setiap pergerakan yang dipersembahkan oleh setiap jurulatih secara bergilir-gilir.

Peserta akan dinilai mengikut kriteria yang ditetapkan seperti berikut :

- \* Kemahiran mengikut pelbagai rentak dan irama yang ditetapkan
- \* Daya tahan kardiovaskular
- \* Daya tahan otot dan
- \* Flexibiliti
- \* Kostum yang mengikut tema

## **15. KELEWATAN**

- 15.1 Sekiranya berlaku kelewatan disebabkan oleh bencana alam atau perkara-perkara diluar jangkaan seperti kerosakan kenderaan pengangkutan dan sebagainya, peserta/kumpulan yang terlibat hendaklah menghubungi Urusetia pertandingan dengan segera dan keputusan mengenai giliran persembahan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal.
- 15.2 Undi giliran setiap pasukan **TIDAK** boleh ditukar.
- 15.3 Pengurus dan peserta dikehendaki **melapor diri** kepada Jawatankuasa Teknikal **30 minit sebelum pertandingan bermula.**
- 15.4 Semua persembahan akan dijalankan mengikut giliran dan masa yang ditetapkan.
- 15.5 Peserta hendaklah berada dikawasan pertandingan yang ditetapkan 20 minit sebelum bermula.

## **16. BANTAHAN**

- 16.1 Sebarang bantahan dan rayuan mengenai pengelola dan keputusan Kejohanan **TIDAK AKAN DILAYAN.**
- 16.2 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pengelola dan Hakim adalah muktamad.
- 16.3 Semua bantahan hendaklah dikemukakan oleh Pengurus Pasukan/Peserta berkenaan secara bertulis kepada Pengerusi Pengelola dalam tempoh satu (1) jam selepas pertandingan. Setiap bantahan hendaklah disertakan dengan **wang tunai berjumlah RM500.00.** Wang bantahan ini **TIDAK** akan dikembalikan sekiranya bantahan didapati tidak munasabah.

## **17. MAKLUMAT AM**

- 17.1 Pihak Jawatankuasa Pengelola **TIDAK** akan bertanggungjawab dan tidak boleh didakwa atas sebarang kecederaan dan kemalangan sebelum, semasa dan selepas pertandingan.
- 17.2 Sekiranya berlaku kecederaan, pengsan atau pitam dikalangan peserta semasa pertandingan berlangsung, pertandingan tersebut hendaklah diteruskan dengan mengekalkan peserta yang sedia ada di dalam gelanggang. Peserta simpanan **TIDAK** dibenarkan masuk untuk menggantikan peserta yang cedera/pengsan. Pertandingan tersebut boleh dimulakan semula atau diteruskan dari masa diberhentikan mengikut budi bicara ketua hakim.
- 17.3 Sekiranya berlaku masalah mengenai muzik sebelum atau semasa persempahan, peserta/pasukan tersebut dikehendaki untuk meneruskan persempahan dengan muzik yang sedia ada. Justeru, sekiranya terdapat peserta/pasukan tidak dapat memulakan persempahan setelah mengambil tempat di kawasan persempahan atau berlakunya gangguan semasa persempahan, maka keputusan untuk menentukan sama ada peserta/pasukan tersebut boleh memulakan persempahan lagi ataupun mengambil giliran setelah selesainya persempahan peserta/pasukan lain adalah mengikut budi bicara ketua hakim.
- 17.4 Jawatankuasa Pengelola adalah bertanggungjawab dan berhak untuk menambah dan memutuskan sebarang perkara yang tidak dinyatakan di dalam syarat/peraturan ini.
- 17.5 Jawatankuasa Teknikal berhak memutuskan segala masalah teknikal seperti letrik, pentas atau gangguan di tempat persempahan dan masalah lain yang tidak dapat dielakan, agar dapat diuruskan dengan sempurna oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 17.6 Keputusan Jawatankuasa Pengelola adalah muktamad di dalam segala keraguan mengenai peraturan pertandingan yang telah ditetapkan.